

Langkah Mendepani Ancaman Pandemi Covid-19 Di Sebalik Krisis Politik Di Malaysia

Steps in Mitigating Covid-19 Pandemic Threat amidst the Malaysian Political Crisis

Ilyas Abdullah¹, Hairol Anuar Hj Mak Din²

Terima	Wasit	Muat Naik e-Jurnal
10 SEPT 2020	28 SEPT 2020	16 OKT 2020

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan tentang tindakan dan langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Perikatan Nasional (PN) dalam mendepani Pandemi Covid-19 di tengah-tengah kemelut politik negara yang agak tegang. Umum mengetahui bahawa Kerajaan PN dibentuk dengan majoriti yang sangat tipis di Dewan Rakyat. Selain itu, Kerajaan PN juga berdepan dengan asakan daripada Pakatan Harapan (PH) mengatur strategi untuk mengambil alih kembali tampuk pemerintahan negara. Walau bagaimanapun, tindakan Kerajaan PN dalam mendepani ancaman pandemik Covid-19 telah berjaya mengukuhkan imej PN di kalangan rakyat Malaysia. Bantuan yang bersifat untuk kegunaan semasa (simple logic dan for immediate consumption) ternyata disambut baik oleh rakyat yang menjalani Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Bantuan tersebut sedikit sebanyak berjaya meringankan bebanan kewangan rakyat yang dihimpit dengan masalah kehilangan pekerjaan dan sebagainya. Langkah yang diambil oleh kerajaan PN juga berjaya meredakan suhu politik negara yang selama ini berlatarkan perebutan kuasa di antara dua tokoh politik prolifik negara iaitu Tun Dr. Mahathir dan Datuk Seri Anwar Ibrahim. Walau bagaimanapun kemunculan Kerajaan PN di tengah-tengah ancaman pandemik Covid-19 ternyata melegakan semua peringkat lapisan masyarakat yang selama ini dilihat gagal ditangani dengan berkesan oleh PH.

Kata Kunci: Covid-19, Perikatan Nasional, Pakatan Harapan, PKP.

ABSTRAK

This article discusses the actions taken by the National Alliance Government (PN) in mitigating Covid-19 pandemic threat amidst the national political crisis. The government of PN was formed with a very slim majority. Thus, the opposition party had devised strategies to take over the government. However, the government's action in facing the threat of Covid-19 pandemic was able to strengthen the image of PN among Malaysians. A simple logic and for immediate consumption approach was well-received by people who were undergoing Movement Control Order (MCO). The assistance from the government helped ease the financial burden of people who were facing the problem of losing their jobs as well as other challenges. The actions taken by the PN government also succeeded in reducing tension which were caused by a power struggle between the two prolific political figures namely Tun Dr. Mahathir and Datuk Seri Anwar Ibrahim. Nevertheless, the emergence of the PN Government amidst the Covid-19 pandemic threat turned out to relieve all levels of society that have over the years been seen as unsuccessfully addressed by PH.

Keywords: Covid-19, Perikatan Nasional, Pakatan Harapan, MCO

¹ Pensyarah Kanan, Fakulti Sains Pentadbiran Dan Pengajian Polisi, UiTM Pahang Kampus Raub

² Pensyarah Kanan, Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan, KUIS

Pengenalan

Malaysia mula tersenarai antara negara yang dikesan dijangkiti pandemik Covid-19 pada 23 Januari 2020. Kes pertama dicatatkan di Johor membabitkan tiga warga China yang memasuki Malaysia daripada Singapura melalui Johor. Walau bagaimanapun, di sebalik pandemik yang sedang melanda, kerajaan Pakatan Harapan (PH) gagal mengambil tindakan yang sewajarnya apabila masih membenarkan pelancong khususnya dari China untuk memasuki negara. Kerajaan PH juga beranggapan bahawa Malaysia mempunyai pengalaman yang baik dalam menangani pandemik. Kenyataan bahawa keseriusan terhadap penyakit demam denggi harus diberikan perhatian yang lebih utama berbanding pandemik Covid-19 turut dikesalkan. Kenyataan-kenyataan lain daripada pimpinan PH turut direkodkan dengan terus membenarkan kemasukan pelancong dari China kecuali daripada bandar yang telah diisytiharkan darurat di China.

Bagaimanapun kenyataan yang lebih awal juga datangnya daripada kalangan Menteri PH iaitu pada 12 Februari 2020. Pimpinan PH tersebut mempersoalkan kenyataan dikeluarkan oleh Pengarah Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) yang mengisytiharkan Covid-19 sebagai *Public Health Emergency of International Concern* (PHEIC) pada 30 Januari 2020 sebagai sesuatu yang boleh mencetuskan kebimbangan dan perasaan panik di kalangan rakyat Malaysia. Selain itu, dalam wawancara bersama mantan Perdana Menteri (Tun Dr. Mahathir), beliau ditanya oleh wartawan berkaitan kemungkinan tindakan yang akan diambil oleh pihak kerajaan untuk melakukan saringan kepada pelancong China yang memasuki negara. Namun Perdana Menteri menegaskan bahawa tindakan tersebut adalah sangat mustahil. Kenyataan-kenyataan tersebut ternyata meresahkan rakyat yang melihat bahawa kerajaan pimpinan PH sebagai tidak serius dan gagal dalam menangani pandemik Covid-19 dengan berkesan.

Metodologi Kajian

Artikel ini merupakan kertas konsep yang membincangkan berkaitan langkah yang telah diambil oleh kerajaan di sebalik krisis politik yang berlaku di Malaysia. Artikel ini menggunakan kaedah kualitatif dengan mendapatkan maklumat melalui sumber sekunder. Kaedah ini merupakan cara yang paling popular bagi penulisan yang menggunakan maklumat dan kutipan premis lama. Walau bagaimanapun, artikel ini banyak merujuk kepada laporan akhbar memandangkan penulisan berkenaan isu ini masih terhad sumber rujukannya.

Kejatuhan Kerajaan PH Di Sebalik Penularan Pandemik Covid-19

Di sebalik kemelut pandemik Covid-19 yang dihadapi negara, politik negara telah dikejutkan dengan berita perletakan jawatan Perdana Menteri pada 24 Februari 2020. Sejurus berita perletakan jawatan tersebut, Presiden Parti Pribumi Bersatu (PPBM) Muhyiddin Yasin pula mengumumkan bahawa PPBM keluar daripada gabungan PH sementara Timbalan Presiden Parti KeAdilan Rakyat (PKR) Azmin Ali pula dipecat daripada parti. Azmin Ali turut membawa bersama beberapa ahli parlimen keluar daripada PKR. Kemelut tersebut menyebabkan PH kehilangan majoriti di Dewan Rakyat sekaligus membawa kepada tumbanganya kerajaan PH yang berkuasa selama 22 bulan. Pastinya suhu politik panas tersebut memberikan pelbagai kesan yang negatif kepada rakyat serta merencatkan pertumbuhan ekonomi negara yang sedang berhadapan dengan pandemik Covid-19 (Asyraf Wajdi Dusuki, 26 Februari 2020). Bagi mengisi kekosongan jawatan tersebut, Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong (SPBYDPA) terpaksa melantik Perdana Menteri Interim. Perlantikan Perdana

Menteri Interim tersebut mencatatkan sejarah baharu negara yang tiada diperuntukkan di dalam perlembagaan negara.

Mengikut peruntukkan perlembagaan, negara mesti mempunyai seorang ketua kerajaan iaitu Perdana Menteri. Atas hal yang tersebut, seorang Perdana Menteri interim dilantik bagi memastikan fungsi sementara kerajaan dapat dijalankan sebelum menunggu pembentukan kabinet yang baharu. Berdasarkan istilah perundangan interim membawa maksud sementara atau tidak rasmi. Meskipun begitu jawatan Perdana Menteri interim memang tiada dalam mana-mana peruntukkan perlembagaan di negara kita. Perlantikan ini dianggap sebagai duluan (*precedent*) dalam sejarah perlantikan Perdana Menteri di Malaysia. Sekali lagi Tun Mahathir diangkat sebagai Perdana Menteri interim (PM-7i) oleh SPBYDPA selaras dengan peruntukan di dalam Perkara 43 (2) (a) Perlembagaan Persekutuan. Perlantikan ini bagi memberi peluang kepada Perdana Menteri interim untuk mencari calon Perdana Menteri yang baharu (Sinar Harian, 24 Februari 2020). Kuasa Perdana Menteri interim adalah terhad dan tidak boleh menjalankan fungsinya sepertimana Perdana Menteri biasa yang dilantik. Kuasa Perdana Menteri interim adalah terhad kepada dua fungsi iaitu menguruskan kelancaran pentadbiran kerajaan serta membantu melancarkan proses pemilihan calon dan perlantikan Perdana Menteri yang baharu.

Menurut Perkara 40 (2), SPBYDPA boleh bertindak mengikut kuasa budi bicaranya untuk melantik seorang Perdana Menteri yang pada hematnya mungkin mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat yang keputusannya tidak boleh dicabar di mana-mana mahkamah atau tribunal. Sekiranya terdapat mana-mana pihak atau ahli Dewan Rakyat yang tidak bersetuju dengan perlantikan tersebut, usul undi tidak percaya harus dibentang atau diusul di dalam Dewan Rakyat sahaja. Sekiranya menurut hemat SPBYDPA tiada calon yang memenuhi kriteria memperoleh majoriti ahli Dewan, maka SPBYDPA boleh mengikut kuasa asasi SPBYDPA untuk melakukan pembubaran parlimen bagi mengatasi polemik politik negara (Muhammad Fathi Yusof, 25 Februari 2020).

Justeru itu, SPBYDPA telah memanggil semua ahli Dewan Rakyat menghadap SPBYDPA di istana negara. Istana Negara menerima senarai pencalonan nama-nama bakal Perdana Menteri daripada ketua-ketua parti politik yang mempunyai ahli di Dewan Rakyat. Selepas mendapat senarai pencalonan, menurut hemat SPBYDPA, Muhyiddin Yasin telah mendapat sokongan majoriti ahli Dewan Rakyat untuk diangkat sebagai Perdana Menteri kelapan. (PM-8). Perlantikan Muhyiddin Yasin yang juga merupakan Presiden Parti Peribumi Bersatu Malaysia (PPBM) adalah selaras dengan Perkara 40 (2) (a) dan Perkara 43 (2) (a) Perlembagaan Persekutuan. Dengan perlantikan Perdana Menteri kelapan ini, maka segala kemelut dan polemik politik negara dapat dikendalikan. Proses perlantikan Perdana Menteri baharu dilakukan secara segera kerana negara memerlukan kerajaan demi kesejahteraan rakyat dan negara bagi menghadapi ancaman pandemik Covid-19 yang semakin membarah (Berita Harian, 29 Februari).

Perlantikan Muhyiddin Yasin membuktikan kebijaksanaan SPBYDPA dalam menangani kemelut politik negara. Bagaimanapun, perlantikan Muhyiddin Yasin mendapat bantahan ahli Dewan Rakyat daripada Pakatan Harapan (PH) yang mendakwa bahawa majoriti ahli Dewan Rakyat menyokong Tun Dr. Mahathir. Hakikatnya SPBYDPA telah menjalankan kuasa Baginda dengan begitu teliti selama tujuh hari negara mengalami krisis politik. Sebelum ini politik negara disajikan dengan isu perebutan jawatan Perdana Menteri di antara Tun Dr. Mahathir dan Datuk Seri Anwar Ibrahim. Desakan dan tekanan daripada ahli komponen PH yang mahukan Tun Dr. Mahathir mengotakan janjinya untuk menyerahkan tampuk kepimpinan

negara kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim dikatakan sebagai antara faktor yang membawa kepada perletakan jawatan tersebut disusuli pula oleh tindakan sebilangan besar ahli komponen PH yang membuat perjumpaan secara sulit yang digelar sebagai “*Langkah Sheraton*”. Langkah ini seterusnya meranapkan pemerintahan kerajaan PH selama 22 bulan (Nurul Riduan Nor Ashana, 1 Mac 2020).

Langkah Kerajaan PN Mendepani Pandemik Covid-19

Sejurus Muhyiddin Yasin mengambil alih tampuk pemerintahan negara, beliau menyeru seluruh rakyat Malaysia bekerjasama dengan kerajaan untuk mengatasi pandemik Covid-19. Dalam perutusan khas Pakej Rangsangan Ekonomi Rakyat (PRIHATIN), beliau menyampaikan ucapan seperti:

“... kami (kerajaan) sedang berperang dengan musuh yang tidak kelihatan. Keadaan yang kita hadapi sekarang adalah sejarah yang belum pernah berlaku sebelum ini... dan kerajaan ini mungkin bukan kerajaan yang anda pilih tetapi saya mahu anda semua tahu bahawa kerajaan ini mengambil berat tentang anda... saya minta sokongan saudara-saudara, marilah kita bekerjasama berganding bahu menghadapi krisis ini bersama-sama...”

Menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi Rakyat tersebut, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM250 billion bagi membantu meringankan bebanan rakyat dalam menghadapi krisis pandemik tersebut (Khairul Anwar Mohd Amin, 27 Mac 2020). pandemik Covid-19 telah mengubah rutin kebiasaan kehidupan rakyat Malaysia.

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Kerajaan Perikatan Nasional (PN) mengambil alih teraju kerajaan bukan pada masa yang terbaik ekoran ancaman pandemik Covid-19. Meskipun begitu, Kerajaan PN telah mengambil langkah yang luar biasa bagi memastikan negara bebas daripada ancaman pandemik tersebut. Antara langkah awal yang diambil oleh kerajaan dalam tempoh 100 hari pertama pemerintahan ialah memperkenalkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan pada 18 Mac 2020. Langkah kurang popular tetapi berani ini diputuskan setelah kerajaan mendapat nasihat daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) selaras dengan ketetapan WHO. Penguatkuasaan PKP dijalankan dalam empat fasa sehingga 3 Mei 2020 disambung dengan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) pada 4 Mei 2020 sehingga 9 Jun 2020 dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) pada 10 Jun 2020 sehingga 31 Disember 2020. Tindakan kerajaan memperkenalkan langkah PKP adalah selaras dengan Akta 342 iaitu Akta Pencegahan Dan Kawalan Penyakit Berjangkit 1988). Langkah memperkenalkan PKP ini dianggap sebagai *uncharted territory* iaitu sesuatu yang baharu.

Langkah tidak popular ini mulai menampakkan impak yang positif. PKP yang diperkenalkan kerajaan berjaya melandaikan lekuk bilangan kes Covid 19 di Malaysia. Kerajaan juga mengambil langkah dengan melibatkan semua kementerian dan agensi kerajaan (*full government approach*). Selain itu kerajaan juga memperkenalkan larangan pergerakan ke luar negara selain turut mengambil langkah keselamatan dengan menguatkuasakan pemeriksaan kesihatan bagi rakyat yang pulang dari luar negara secara sukarela selama 14 hari. PKP turut menghalang kemasukan semua pelancong asing ke Malaysia disamping mengetatkan kawalan di sempadan negara. Langkah ini turut melibatkan aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya (Sinar Harian, 8 Jun 2020).

Pakej Rangsangan Ekonomi Rakyat (PRIHATIN)

Pandemik Covid-19 memberikan impak yang begitu besar kepada ekonomi dan kehidupan rakyat Malaysia. Justeru itu, kerajaan telah memperkenalkan program PRIHATIN berjumlah RM250 billion bagi melindungi kebajikan di samping meringankan bebanan kewangan rakyat yang terjejas ekoran pelaksanaan PKP. KKM turut menerima suntikan dana tambahan berjumlah RM 1 billion untuk tujuan pembelian peralatan dan juga membiayai perkhidmatan pakar-pakar perubatan serta pembayaran elaun khas kepada petugas kesihatan barisan hadapan (frontliner) sebanyak RM400 sehingga RM600 selain elaun khas sebanyak RM200 kepada barisan hadapan lain melibatkan anggota keselamatan negara seperti polis dan tentera.

Kerajaan turut melonggarkan dan menangguhkan bayaran balik pinjaman (moratorium). Hal ini bagi meringankan bebanan kewangan rakyat. Persatuan Pemberi Pinjaman Wang (Kredit Komuniti) dan Persatuan Pajak Gadai turut bersetuju untuk memberikan moratorium selama tiga bulan kepada syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) bagi memberi peluang kepada industri kecil menjana kelangsungan perniagaan mereka (Zanariah Abd. Mutalib, 9 April 2020). Selain itu, Kementerian Kewangan (MOF) turut memperkenalkan program Bantuan Prihatin Nasional (BPN) kepada yang layak membabitkan keseluruhan bayaran berjumlah RM 11.14 billion. Seramai 10.416 juta penerima telah menerima bantuan tersebut. Kerajaan juga telah membelanjakan sejumlah RM 125 juta kepada 146000 penerima yang membuat rayuan (Hazwan Faisal Mohamad, 22 Julai 2020).

Jadual 1.0 Pakej Rangsangan Ekonomi Rakyat (PRIHATIN)

Kategori Bantuan	Jumlah Bayaran/Manfaat
Bayaran Prihatin Nasional	RM500-RM1600
Bantuan Penjawat Awam	RM500
Bantuan Pesara	RM500
Bantuan Tunai e-Hailing	RM500
Elaun Khas Petugas Hadapan	RM200-RM600
Penjimatan Sewa Projek Perumahan Rakyat (PPR)	Penagguhan sewa selama 6 bulan
Penagguhan Bayaran Pinjaman	Moratorium selama 6 bulan
Internet Percuma	Bermula 1 April 2020 sehingga tamat PKP
Skim Persaraan Swasta/i-lestari (KWSP)	Pengeluaran pra-persaraan dari akaun B (akaun2 sehingga RM1500
Penagguhan bayaran pinjaman PTPTN	Penagguhan bayaeen selama 6 bulan bermula 1 April 2020

Sumber: Berita Harian, 27 Mac 2020

Jadual 2.0 Bantuan Prihatin Nasional (BPN)

Kategori Penerima	Jumlah Bayaran	Perlaksanaan Bayaran
Pendapatan RM4000 ke bawah	RM1600	RM1000 dibayar pada bulan April 2020, baki RM600 dibayar pada bulan Mei 2020 terus ke akaun penerima
Pendapatan RM4000 ke atas sehingga RM8000	RM1000	RM500 dibayar pada bulan April 2020, baki RM500 dibayar pada bulan Mei 2020 terus ke akaun penerima
Individu bujang berumur 21 tahun ke atas dengan pendapatan RM2000 ke bawah	RM800	RM500 dibayar pada bulan April 2020, baki RM300 dibayar pada bulan Mei 2020 terus ke akaun penerima
Individu bujang berumur 21 tahun ke atas dengan pendapatan RM2000 ke atas sehingga RM4000	RM500	RM250 dibayar pada bulan April 2020, baki RM250 dibayar pada bulan Mei 2020 terus ke akaun penerima
Pelajar IPT	RM200	Bayaran secara one-off dibayar pada bulan Mei 2020

Sumber: Berita Harian, 27 Mac 2020

Manfaat yang diterima oleh seluruh isi rumah digambarkan menerusi analogi keluarga “*Makcik Kiah*” yang dianggarkan secara kasar akan menerima manfaat penjimatan sebanyak RM8664 menerusi Bantuan Prihatin Nasional (BPN) (Berita Harian, 27 Mac 2020). Analogi tersebut dimuatkan di dalam ucapan laporan hariannya menerusi media arus perdana seperti berikut:

“... Makcik Kiah penjual goreng pisang...suaminya adalah pesara kerajaan dan sekarang membawa grab. Anak Makcik Kiah adalah peminjam PTPTN. Pendapatan isi rumah Makcik Kiah di bawah RM4000 sebulan...Makcik Kiah akan dapat bayaran Prihatin Nasional sebanyak RM1600 baki Bantuan Sara Hidup (BSH) sebanyak RM600, bantuan pesara sebanyak RM500, bantuan tunai e-hailing sebanyak RM500. Kalau suami Makcik Kiah berkhidmat dengan RELA, dia akan dapat RM200 sebulan...Keluarga Makcik Kiah akan dapat sekurang-kurangnya RM3400...Keseluruhannya keluarga Makcik Kiah akan dapat penjimatan sebanyak RM8664. Jadi Makcik Kiah pun dah boleh senyum sikit dengar kiraan yang saya buat”.

Ucapan berbentuk ekonomi politik tersebut sedikit sebanyak berjaya meningkatkan imej Perdana Menteri serta kredibiliti Kerajaan PN dalam masa yang singkat. Ucapan tersebut dilihat oleh rakyat sebagai ucapan yang dekat di hati rakyat dan tidak elitis. Bantuan yang

bersifat *for immediate consumption* adalah sangat tepat dilaksanakan disaat rakyat begitu terhimpit dengan pelaksanaan PKP. Imej kerajaan PN melonjak dengan begitu baik bilamana setiap ucapan Perdana Menteri mendapat pujian yang sangat positif samada di media sosial mahupun di media arus perdana. Suhu politik panas negara dapat dikendurkan apabila rakyat tidak lagi terlalu memberikan perhatian kepada isu-isu pergolakan politik dalaman negara bahkan rakyat saban hari menunggu ucapan-ucapan dan juga bantuan yang bakal diumumkan oleh kerajaan.

Reaksi Balas Rakyat: Pengukuhan Terhadap Imej PN

Gelaran “*Abah*” yang diberikan kepada Muhyiddin Yasin jelas menunjukkan reaksi positif penerimaan rakyat terhadap kepimpinan Perdana Menteri dan juga PN. Gaya ucapan Perdana Menteri yang begitu merakyat dan santai selain turut menyelitkan situasi yang tular di kalangan rakyat bawahan dilihat berjaya mengendurkan hubungan yang selama ini dilihat sebagai tidak simetri di antara golongan penaung dan golongan bawahan yang dinaung. Hal ini bertepatan dengan konsep feudalisme (kini neofeudal). Pendekatan yang diambil oleh PN dalam menangani pandemik Covid-19 terus disokong oleh rakyat. Terdapat juga pandangan daripada sesetengah pihak yang beranggapan bahawa bantuan yang diberikan oleh PN sebagai suatu tindakan ekonomi bersifat politik. Menurut penganalisis politik Md Shukri Shuib, penggunaan istilah yang lazim digunakan dalam institusi kekeluargaan Melayu seperti *abah*, makcik membuatkan rakyat merasakan suatu keadaan yang begitu selesa dan tenang berbanding situasi sebelumnya yang terlalu berkisar kepada perebutan jawatan Perdana Menteri di antara dua tokoh politik prolifik negara iaitu Tun Dr. Mahathir dan Datuk Seri Anwar Ibrahim di tengah-tengah ancaman pandemik Covid-19.

Bantuan yang dilaksanakan melalui peruntukkan yang begitu besar membawa kesan yang positif kepada persekitaran pelbagai dimensi ekonomi dan sosial negara. Tindakan tersebut juga memberikan kelegaan kepada segenap lapisan masyarakat meskipun terpaksa menjalani tempoh PKP selama tiga bulan. Walau bagaimanapun terdapat juga desakan daripada sebilangan besar ahli komponen PH yang mengusulkan supaya di adakan persidangan parlimen tergepar bagi membahaskan peruntukkan yang telah dibelanjakan oleh kerajaan PN menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin. Majlis Presiden PH menggesa Kerajaan PN mengadakan sidang khas parlimen untuk membincangkan langkah yang diambil oleh PN termasuk belanjawan tambahan dalam menangani penularan pandemik Covid-19 (Yusmizal Dolah Aling, 16 April 2020). Bagaimanapun desakan tersebut telahpun dijawab secara tenang oleh Perdana Menteri dalam persidangan parlimen. Perdana Menteri menegaskan bahawa persidangan parlimen tidak dapat diadakan berikutan situasi yang tidak sesuai ekoran penularan pandemik Covid-19. Justeru kerajaan tiada pilihan melainkan terpaksa mengambil tindakan segera supaya rakyat dan sektor-sektor lainnya juga terbela. Perdana Menteri menjawab soalan tambahan yang dikemukakan oleh ahli Parlimen Port Dickson dengan menyatakan bahawa:

“...kita tidak boleh tunggu sesi parlimen sebab institusi runtuh sekarang dan perniagaan runtuh sekarang. Tugas kerajaan adalah memastikan rakyat mesti dibela...” (Fahmi A Rosly, 13 Julai 2020).

Di sebalik desakan tersebut rakyat tetap beranggapan bahawa Perdana Menteri sebagai seorang pemimpin yang pragmatik. Muhyiddin Yasin dilihat berjaya meleraikan kekusaran rakyat yang sedang berhadapan dengan krisis kesihatan secara praktikal sesuai dengan keadaan semasa dan realiti ekosistem negara. Imej kerajaan PN juga bertambah kukuh dengan adanya pengiktirafan daripada badan dunia seperti WHO. Malaysia diiktiraf sebagai antara salah

sebuah negara yang terbaik dalam mengekang penularan pandemik Covid- 19. Walaupun berdepan dengan cabaran politik yang berlatarkan perebutan kuasa, kerajaan PN berjaya mengurus negara dengan baik disamping berjaya mengekalkan keamanan dalam negara yang berbilang kaum. Perwatakan Muhyiddin Yasin yang tenang memberikan kredit kepada imej PN.

Figura “*abah*” membuatkan beliau begitu disenangi rakyat. Selain itu rakyat juga melihat Perdana Menteri sebagai *man of actions* dengan mempamerkan personaliti yang bijak dan lebih banyak bekerja daripada melayani isu-isu politik yang tidak memberikan manfaat kepada rakyat (Berita Harian, 10 Jun 2020). Perdana Menteri tidak pernah menyerang musuh politiknya setiap kali muncul menyampaikan ucapan hariannya di media arus perdana. Ternyata Muhyiddin Yasin berjaya mempersembahkan tradisi budaya politik Melayu yang sebenar. Kerajaan harus menaungi rakyat dengan sebaik mungkin. Secara tidak langsung golongan yang dinaung akan memberikan ketaatan dan kesetiaan yang setimpal. Pentadbiran Kerajaan PN berhasil diuruskan dengan baik meskipun sering menerima asakan daripada pelbagai aspek oleh musuh politiknya.

Kesimpulan

Langkah yang diambil oleh Kerajaan PN dalam mengurus negara mendepani pandemik Covid-19 begitu melegakan semua lapisan masyarakat. Tindakan tersebut juga secara tidak langsung mengukuhkan imej PN yang sedang berdepan dengan kemelut untuk mengekalkan survival politiknya yang agak goyah. Umum mengetahui bahawa Kerajaan PN dibentuk dengan majoriti yang sangat tipis di Dewan Rakyat. Selain itu, Kerajaan PN juga berdepan dengan asakan daripada Pakatan Harapan (PH) yang dilihat giat mengatur strategi untuk mengambil alih kembali tampuk pemerintahan negara. Meskipun kerajaan PN dikatakan sebagai sebuah kerajaan pintu belakang namun PN telah berjaya membuktikan kepada seluruh rakyat Malaysia bahawa kerajaan mampu mengurus ancaman pandemik Covid-19 dengan baik demi kesejahteraan rakyat. Ternyata kemunculan Kerajaan PN di tengah-tengah ancaman pandemik Covid-19 begitu melegakan semua peringkat lapisan masyarakat yang bergelut dengan pelbagai isu ekoran pelaksanaan PKP kesan daripada ancaman pandemik Covid-19.

Rujukan

- Asyraf Wajdi Dusuki, 26 Februari 2020. Runtuhnya Kerajaan Pakatan Harapan: Sinar Harian.
Berita Harian, 10 Jun 2020. Muhyiddin Perdana Menteri Pragmatik.
Berita Harian, 27 Mac 2020. Keluarga Makcik Kiah dapat manfaat lebih RM8600.
Berita Harian, 29 Februari. Muhyiddin PM ke-8.
Fahmi A Rosly, 13 Julai 2020. Prihatin, Penjana tak dibentang di parlimen kerana situasi mendesak: Berita Harian.
Hazwan Faisal Mohamad, 22 Julai 2020. Lebih RM10 juta terima Bantuan Prihatin Nasional: Berita Harian.
Khairul Anwar Mohd Amin, 27 Mac 2020. Kerajaan mungkin bukan pilihan anda tetapi ambil berat tentang anda: Sinar Harian.

Muhammad Fathi Yusof, 25 Februari 2020. Kuasa Perdana Menteri Ditetapkan Agong: Berita Harian.

Nurul Riduan Nor Ashana, 1 Mac 2020. Dipecat bangun semula, dan kini PM ke-8: Sinar Harian.

Sinar Harian, 24 Februari 2020. Perlantikan Perdana Menteri Interim Cipta Sejarah.

Sinar Harian, 8 Jun 2020. 100 hari: PKP langkah berani Muhyiddin berhasil.

Yusmizal Dolah Aling, 16 April 2020: PH gesa sidang khas parlimen: Harian Metro.

Zanariah Abd. Mutalib, 9 April 2020. Covid-19: Peminjam wang, pajak gadai beri moratorium kepada PKS: Berita Harian.